

**Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang.**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada persidangan yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi, kita masih lagi membincangkan dan meneliti Rang Undang-Undang Yang Bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II di Peringkat Jawatankuasa.

Maka, bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini kita bincangkan dan kita kaji, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini dan kita akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang semula bagi menimbangkan dan membahaskan Tajuk-Tajuk dalam Jadual Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi kita telah mula membincangkan Jadual Kementerian Hal Ehwal Ugama. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan mukadimahnyanya tentang rancangan-rancangan dan fokus hala tuju bajet belanjawan

kementeriannya dengan panjang lebar dan penuh komprehensif.

Oleh yang demikian, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk tidak membangkitkan perkara-perkara yang sama iaitu perkara-perkara yang telah disampaikan dan dihuraikan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama itu tadi.

Saya mempunyai senarai yang agak panjang yang terdiri daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk bertanya ataupun mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas pembentangan mukadimah Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 Kementerian Hal Ehwal Ugama pagi tadi.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama ini.

1. Kaola membangkitkan Kod 001/002 - Pengurusan Haji. Jumlah Anggaran

Perbelanjaan Berulang-Ulang
2018/2019 iaitu \$1,516,546.00.

Yang Berhormat Pengerusi. الْحَمْدُ لِلَّهِ
pada tahun lepas keramaian
rombongan jemaah haji dari Negara
Brunei Darussalam didapati
meningkat dari tahun-tahun sebelum
ini. Kelazimannya tempoh masa
mengerjakan ibadah haji selama 30
hari atau lebih, manakala pada 2
tahun yang lepas pula ada sebilangan
jemaah haji yang menunaikan fardu
haji dalam tempoh 3 minggu sahaja.

Sebagaimana yang dimaklumi, kos
bayaran tiket haji bagi tempoh 30
hari seperti mana yang ditawarkan
oleh syarikat-syarikat pakej haji yang
telah dilantik di negara ini adalah
amat tinggi sehingga hampir
mencecah bayarannya \$20,000.00
setiap seorang bagi yang dewasa
iaitu mengikut jenis pakej yang
dipilih. Harga yang ditawarkan ini
tidak pernah berubah sejak beberapa
tahun kebelakangan ini.

Baru-baru ini ada *divirakan* dalam
media sosial mengenai opsyen pakej
haji bagi tempoh yang kurang
daripada 30 hari yang ditawarkan
oleh syarikat pakej haji dengan harga
pakej yang jauh lebih murah jika
dibandingkan dengan tempoh 30
hari.

Kaola berpendapat harga bagi opsyen
pakej haji yang menawarkan tempoh
yang lebih pendek dan harga yang
berpatutan ini mungkin bersesuaian
untuk dipertimbangkan dan

dilaratkan kepada semua syarikat
pakej haji di negara ini untuk
mengurangkan beban kepada mereka
yang berhasrat untuk menunaikan
fardu haji.

Oleh itu, kaola ingin mengetahui
adakah usaha dan pemikiran di pihak
Jabatan Urusan Haji, Kementerian
Hal Ehwal Ugama untuk membuat
pengkajian atau penyelidikan untuk
mengurangkan tempoh menunaikan
fardu haji atau ibadah haji ini.

Seterusnya, sebagai usaha
membantu mengimbangi kos
pembayaran pakej haji yang
ditawarkan kepada bakal-bakal
jemaah haji oleh syarikat-syarikat
pakej haji yang dilantik. Selain itu,
bakal-bakal jemaah haji juga dapat
diberikan memilih opsyen pakej
mengikut kemampuan mereka;

2. Kod - 002/002 – Pentakmiran Masjid.
Jumlah Anggaran Perbelanjaan
2018/2019 sebanyak \$15,292,220.00.
Kaola ingin penjelasan mengenai
tidak kehadiran para Imam dan Bilal
bertugas di masjid-masjid pada
waktu-waktu tertentu terutama
waktu subuh dan ingin tahu juga
mengenai Jadual Imam bertugas,
bergilir-gilir bertugas, berselang hari
bagi masjid yang mempunyai 2 ke 3
Imam. Dan, mungkinkah ada skim
baharu Imam dan Bilal yang boleh
mengatasi masalah ini.
3. Kod 1116/001 hingga Kod - 1116/006
- Pembinaan Masjid Baharu di
Rancangan Perumahan Negara

Mengkubau, Meragang, Lugu, Rimba, Lumut dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati di Telisai semuanya telah ada harga Rancangan RPN11 iaitu \$5 juta setiap satu masjid.

Tetapi dalam Anggaran Perbelanjaan 2018/2019, hanya Masjid RPN Kampung Meragang sahaja yang ada dinyatakan iaitu sebanyak \$400,000.00. Proses pelaksanaan masjid-masjid tersebut di atas tidak dinyatakan Anggaran Perbelanjaan 2018/2019. Apakah perkembangan cadangan pembinaan Masjid Kampung Ukung yang sudah sekian lama dimasukkan dalam perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama?

4. Kod 005 - 001 iaitu Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Jumlah Anggaran Perbelanjaan 2018/20198 sebanyak \$8,786,915.00. KUPUSB pengambilan pertama seramai 32 orang, telah mendapat pekerjaan الْحَمْدُ لِلَّهِ kemudian pengambilan kedua 60 lebih orang ada yang belum mendapat pekerjaan, kini tahun 2018 bertambah lagi keramaiannya.

Apakah usaha yang difikirkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi membolehkan mereka ini memberi sumbangan kepada negara dalam bidang pendidikan agama sebagaimana inspirasi penubuhan KUPUSB itu sendiri yang semakin bertambah setiap tahun yang belum bekerja?

Kalau boleh dicadangkan lepasan yang belum bekerja ini diberi peluang dan diberi pendedahan sebagai pelapis Imam dan Bilal atau membantu mempertingkatkan lagi tahap pengetahuan Agama Islam kepada saudara-saudara baharu atau memberi kuliah kepada jemaah-jemaah bagi mengisi jadual mingguan takmir masjid-masjid.

Jika difikirkan sesuai diserapkan ke sekolah-sekolah pra dan rendah bagi membantu meningkatkan pengetahuan khusus mengenai tulisan Jawi kerana kita dimaklumkan apabila mereka memasuki persekolahan agama, pengetahuan mengenali huruf Jawi apa lagi membaca Jawi bagi darjah dua ke darjah tiga masih belum dapat menghayati dengan baik. Penekanan perlu ke arah ini sebagai sebahagian pengisian bagi memertabatkan negara menjadi Negara Zikir; dan

5. Kod 004-003 - Kutipan dan Agihan Zakat. Jumlah Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 sebanyak \$1,460,220.00. Apakah perkembangan bantuan Pembinaan Rumah Daif seluruh negara yang telah diluluskan permohonan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Di Daerah Tutong sahaja terdapat 37 pemohon telah diluluskan akan dibina iaitu 20 permohonan pada tahun 2011 dan 17 permohonan pada tahun 2013, belum lagi termasuk yang telah diluluskan tahun-tahun kemudian. Tetapi

daripada 37 buah itu hanya 2 buah saja yang siap dilaksanakan iaitu sebuah banglo dan sebuah bertiang dan satu buah terbengkalai di Kampung Keramut, Danau.

Sekian sahaja dari kaola, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih terutama sekali kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit telah mengemukakan 5 soalan sebenarnya dan ada pecahan-pecahannya:

1. Kaola seboleh-bolehnya akan meringkaskan saja Yang Berhormat Pengerusi. Pengurusan Haji dalam Perbelanjaan Berulang-Ulang. Adakah Kementerian Hal Ehwal Ugama membuat usaha atau kajian untuk mengekang kenaikan Perbelanjaan Menunaikan Fardhu Haji setahun demi setahun yang meningkat. Jawapannya ada.

Berhubung dengan pakej yang ditawarkan oleh operator haji dan umrah sebagaimana yang disebutkan itu tadi telah sama-sama dikaji oleh Jabatan Urusan Haji. Dari kajian itu, Jabatan Urusan Haji mendapati tidak jua jauh bezanya daripada apa yang ditawarkan oleh pakej pada masa ini.

Pakej pada masa ini dinamakan ada Pakej Ekonomi, Pakej Sederhana dan Pakej Premium, yang berperingkat-peringkat. Yang premium itu sampai \$18,000.00 pada tahun lepas.

Perbezaannya, Pakej Premium yang ada sekarang ini memakan belanja yang besar itu ialah dari segi penempatan hotel. Pakej Premium itu hampir dengan Masjidil Haram di Makkah dan hampir dengan Masjid Nabawi di Madinah, jarak itu mempunyai faktor harga.

Kediaman mengikut bilik-bilik bukan diaturkan oleh yang mengatur pakej tetapi terus mengikut apa sebenarnya kalau satu keluarga dengan keluarganya, suami isteri dengan suami isterinya dan begitulah.

Berbeza dari segi hotel misalannya berbeza dengan pakej yang ditawarkan itu. Pakej yang ditawarkan itu akan membawa kepada hotel di luar daripada jarak yang terdapat pada masa ini.

Hotel Pakej Ekonomi, Sederhana dan Premium itu adalah hotel yang bertaraf 3 bintang ke atas sementara pakej hotel yang murah di luar daripada itu adalah pakej 3 bintang ke bawah.

Cara pembahagian bilik ditentukan oleh operator. Ertinya kalau kebetulan isteri dengan suami terpaksa diasingkan, orang perempuan dengan perempuan sahaja, lelaki semua lelaki sahaja misalannya demikianlah keadaannya macam itu. Memandangkan hal itu, pada masa ini kementerian tidak berhajat untuk memproses perkara ini, ertinya tidak mengambil

langkah-langkah yang serius untuk melaksanakannya ataupun menerimanya.

Pertama sekali memang dari tahun lepas kaola masih ingat, kaola meminta operator-operator mengemukakan pakej-pakej yang murah ini, kerana itulah mereka menyahut seruan tersebut. Bagaimanapun, itulah hasilnya;

2. Kalau pakej yang dikatakan murah itu kurang 30 hari, sebenarnya faktor waktu atau tempoh di sana itu tidaklah banyak membantu dari segi harga untuk diturunkan. Yang sulitnya pakej yang ada pada masa ini bukan pakej muasasah namanya tu.

Pada masa ini kita mengikut pakej khas iaitu penempatan jemaah tentang kediaman di Makkah dan di Madinah ditentukan dengan jarak-jarak tertentu. Semasa di Mina dan di Arafah juga jemaah mempunyai penempatan yang istimewa daripada pakej muasasah terutama sekali di Mina penempatan jemaah tidak jauh dari tempat melontar berbanding dengan Muasasah jauh daripada tempat melontar. Hal-hal yang sedemikian itu, faktor keselesaan dan faktor keselamatan adalah utama bagi jemaah-jemaah haji kitani.

Jemaah-jemaah haji kitani setiap tahun mengadakan mesyuarat dengan pihak berkenaan iaitu

Kementerian Haji di Makkah. Jemaah Haji Brunei adalah terpuji.

Pertama mereka disiapkan untuk beribadat, kedua tidak menimbulkan sebarang masalah disiplin dan sebagainya semasa berada di tanah suci. Jadi hal-hal sedemikian inilah yang kita jaga.

Keselesaan dan kesempurnaan untuk beribadat adalah utama. Keselesaan untuk dalam satu tempoh itu mempengaruhi cara beribadat, mempengaruhi kesihatan dan sebagainya.

Yang utama lagi, mesti difahamkan kalau pakej ini di luar daripada pakej yang ada sekarang dinamakan akan dilayan atau ditadbir oleh pihak berkuasa berkenaan di Makkah atau di Madinah.

Di tanah suci mengenai perkara itu ditadbir secara berasingan, berasingan daripada pakej sekarang ini. Mereka itu menjadi jemaah furadah iaitu satu rombongan yang bersendirian dan ketibaan mereka tidak dijamin sama ada di Madinahkah dahulu atau di Jeddah tetakluk kepada kejayaan untuk mendapatkan slot-slot tertentu dan seterusnya berbagai-bagailah masalah.

Jadi usaha untuk mengurangkan itu tetap sentiasa ada ertinya bagaimana kitani mencari formula-formula yang boleh menjamin keselamatan dan kesejahteraan dan

yang kedua kesempurnaan beribadat. Demikian tentang yang pertama.

3. Pentakmiran masjid. Apakah keadaan bilal-bilal atau imam, pegawai-pegawai masjid ponteng atau nya orang tumpis? Adakah skim baharu bagaimana untuk mengatasi masalah ini.

Masalah ini Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain adalah masalah yang kita ketahui umum, tetapi yang pasti kementerian bukan tidak mempunyai aturan-aturan kerana aturan panduan pekerja pegawai masjid sudah ada semenjak tahun 1996 dibuat dan berkuatkuasa pada tahun 1967, 20 tahun lebih.

Aturan itu menentukan jumlah jam berkerja mereka dalam sehari tidak kurang daripada 7½ jam setengah dan tugas-tugas mereka selain di masjid ialah tugas-tugas kemasyarakatan qariah dan di mukimnya, suka duka dan sebagainya.

Tugas keilmuan mereka untuk memimpin masjid dan jemaah masjid bukan sahaja mengimamkan dan sebagainya bahkan memimpin untuk mengursus atau memutala'ah kitab dan sebagainya.

الْحَمْدُ لِلَّهِ semua ini berlaku tetapi tirisnya ialah sebagaimana yang dinyatakan itu. Bukan maknanya kementerian tidak ada aturan.

Kementerian menetapkan aturan dan melaksanakannya kerana itu ada beberapa pegawai masjid yang diberi amaran hingga sampai kepada peringkat diambil tindakan disiplin. Itu, mungkin orang ramai tidak banyak yang maklum mengenai tindakan disiplin disebabkan oleh ketidakhadiran dan sebagainya.

Untuk ke hadapan kementerian sedang berfikir bagaimana lagi untuk melaksanakan aturan-aturan kerja ini. Antaranya misalannya sedang dalam perbincangan untuk mengadakan potongan mata *demerit* dan sebagainya. Bagaimana kalau tidak datang sekali, dua kali, tiga kali menjadi berapa mata, dikumpul sekian sekian membawa sehingga kepada tindakan disiplin dan sebagainya.

Itu masih dalam perbincangan Yang Berhormat Pengerusi, yang pentingnya ialah melalui Dewan ini, ertinya kementerian ingin menyeru kepada orang ramai sambil memahami keadaan ini ialah juga berusaha sama-samalah ertinya bukan sahaja melihat atau menegur bahkan juga mungkin mana yang ada umur sedikit, maklumlah imam-imam pada masa ini agak muda-muda usianya, yang berumur sedikit di kampung-kampung sama-samalah menegur, menegur dalam erti kata nasihat secara bersemuka dan sebagainya.

Jangan kita camah mata dalam erti kata semua ini semua diserahkan

kepada kerajaan. Di sana ada takmir masjid, dalam takmir masjid itu bukan sahaja untuk mengadakan rancangan-rancangan, tetapi bagaimana memperbaiki pentadbiran, pengurusan bagaimana mentadbir *duty performance* dan sebagainya.

Walaupun Jawatankuasa Takmir Masjid secara automatik secara jawatan adalah Imam, tetapi oleh kerana mungkin ada cara-cara yang terbaik untuk dapat menyelesaikan perkara-perkara sedemikian itu;

4. Mengenai Masjid Kampung Meragang yang diberikan peruntukan tetapi yang lain tidak ada. Adalah diketahui dalam keadaan kita ini berjimat-jimat dalam perbelanjaan untuk menjaga perimbangan yang sihat bagi fiskal kerajaan. Itulah sahaja yang dapat kita lakukan dengan \$400 ribu daripada \$5 juta harga Rancangan Masjid Meragang akan dimulakan dalam tahun ini.

Harga itu pun sebenarnya sebahagian mungkin kita di sini ada yang mengetahui bahawa sebahagian daripada masjid-masjid yang disebutkan 6 tadi itu sudah pun diluluskan sekian. Pada peruntukan masa yang lalu tetapi ternyata pada realitinya oleh kerana kita kekurangan perbelanjaan untuk menampung sedemikian itu ia telah ditangguhkan.

Penangguhan itu memberi peluang untuk semua pihak mengkaji saiz dan kemudahan-kemudahan, saiz masjid untuk penampungan berapa orang telah diaturkan semula, maka itulah didapati satu formula mengurangkan saiznya dengan sendirinya mengurangkan perbelanjaannya dapat dengan perbelanjaan yang kurang dapat membangun 6 buah masjid sebagaimana yang dirancangkan itu.

5. Mengenai Masjid Kampung Ukong, sama-sama kita mengetahui Yang Berhormat Pengerusi bahawa ia ada sudah dalam perancangan pada masa lalu, hanya faktor ketidakseimbangan fiskal kita yang mesti kita jaga, kerana itulah ia dikemudiankan. Dikemudiankan itu tentulah mendukacitakan penduduk-penduduk di sana.

Sebagai respons kepada itu, kementerian memikirkan bagaimana cara-cara yang terbaik untuk memenuhi kehendak di Ukong. Ada pemikiran setakat ini, kalau pemikiran Surau Tanjung Bunut dibangun semula menjadi Masjid Tanjung Bunut dan Masjid Bukit Panggal yang mengalami tanah susur dan tidak selamat untuk digunakan dibangun semula di satu tapak yang lain yang juga tidak jauh daripada itu menggunakan peruntukan dana.

Maka sedemikian itulah difikirkan bagi masjid-masjid seumpama ini yang tidak mungkin akan ditampung

dengan perbelanjaan kerajaan. sumbangan akan tetap berterusan bagaimana yang telah kaola bentangkan tadi;

6. KUPUSB. Adakah usaha kementerian untuk mereka itu menyumbang? Kalau dikira harga yang diberikan Yang Berhormat tadi dibanding dengan angka yang ada kepada kaola Yang Berhormat Pengerusi, kalau dicantum-cantumkan pun lebih kurang sebegitu. Soalnya, dari seramai yang lulus dari semenjak tahun 2011 membawa ke 2017 ada lebih 1,600 orang. Dari jumlah ini, kira-kira 30% 600 lebih 33% lebih kurang 1 pertiga daripadanya adalah mahasiswa dewasa yang mengikuti *in service training* (Latihan Dalam Perkhidmatan) mengikuti skim itu.

Apabila mereka ini lulus masuk semula kembali kepada jawatannya yang tersebut melainkan kalau ada peluang-peluang mereka untuk naik pangkat dan mereka berjaya untuk jawatan-jawatan tertentu, mereka naik pangkat mana yang tidak, tidaklah. Sementara selebihnya ada yang melanjutkan pelajaran di luar dan di dalam negeri bilangannya ramai iaitu 140 lebih sejauh ini.

Selebihnya lagi berkhidmat dapat berkhidmat di mana-mana bidang ataupun mereka tidak mendapat pekerjaan di sektor kerajaan mereka berusaha sendiri dan ini mengembirakan kerana kurikulum dan *extra* kurikulum di KUPUSB itu sendiri membolehkan mereka itu

sendiri untuk menyumbang kepada keperluan-keperluan dalam masyarakat dengan mendapatkan pendapatan dan sebagainya.

Soalnya bukanlah Jabatan Pengajian Islam (*JPI*) menolak mereka ini diambil berkerja Yang berhormat Pengerusi, jadi jangan salah sangka demikian itu. Guru, dengan jawatan yang ada di sekolah rendah ataupun sekolah menengah baik sekolah kerajaan ataupun sekolah swasta ialah Guru Ugama Terlatih (*GUT*) dalam sukatan gaji yang rendah daripada sukatan gaji Pegawai Pelajaran.

Jawatan Pegawai Pelajaran itu sangat terhad. Oleh sebab itulah **الْحَمْدُ لِلَّهِ** setakat ini mereka dengan usaha-usaha tertentu umpamanya mendapatkan tauliah daripada Majlis Ugama Islam untuk mengajar agama untuk bersyarah misalannya, berceramah agama dan untuk mengajar Al-Quran.

Dengan tauliah ini mereka dapat memenuhi keperluan-keperluan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi untuk misalannya diambil secara sambilan oleh masjid menjadi pelapis atau untuk menjadi penceramah, pembimbing dan sebagainya. Semua mereka ini dipersiapkan untuk berkhidmat terutama sekali dalam bidang agama.

7. Kutipan dan Agihan Zakat. Dalam hal ini ada hubungan dengan

rancangan pembinaan dengan 37 buah rumah daif di Daerah Tutong yang diluluskan oleh Majlis Ugama Islam. Barangkali agak keliru sedikit mengatakan diluluskan oleh Majlis Ugama Islam.

Ini adalah satu peruntukan dalam tahun 2009, satu peruntukan telah dibuat daripada Wang Zakat untuk rancangan membina rumah daif dan sekarang ini dilaksanakan secara *quick win project* ataupun *quick win program* dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama beberapa kementerian termasuk Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pembangunan dan beberapa kementerian lagi.

Kelulusan untuk yang disebutkan 37 ini, mungkin di peringkat itu. Bukan di peringkat Majlis Ugama Islam. Apa yang diperingkat Majlis Ugama Islam ialah meluluskan kewangan. Kewangannya itu telah diluluskan *in block* pada tahun 2009, sebanyak sekian juta untuk sekian buah rumah daif seluruh negara dan itu pelaksanaannya.

Sekarang ini barangkali yang berbangkit itu Yang Berhormat ialah dari segi pelaksanaannya. Kalau betul 37 sudah ada dirancang tetapi cuma siap 2 buah dan satu buah sekarang ini terbengkalai dari segi pelaksanaannya dan mudah-mudahanlah kitani mengambil iktibar dari sana.

Pelaksanaan itu umpamanya yang menghalang pelaksanaan ini bukan kerana kewangannya kerana

kewangannya sudah ada tetapi yang menghalang ialah dari segi pelaksanaan teknikal. Teknikal itu ialah berhubung dengan tanah. Kalau tanah itu milik tanah kerajaan adalah mudah tetapi kalau tanah itu milik persendirian untuk memecah kalau kebetulan tanah itu dimiliki oleh beberapa orang dan sebagainya. Kedudukan tempatnya juga menjadi faktornya.

Kaola rasa dapat sudah menjelaskan 5 soalan itu Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Kaola mengucapkan tahniah kerana pada masa ini penglibatan belia masjid serta program keagamaan belia yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tadi giat dilaksanakan dan dilihat juga sumbangan mereka di peringkat masyarakat mahupun kebangsaan. Sekali lagi saya menyokong baik inisiatif ini. 2 perkara lagi saya ingin sentuh di sini ialah:

1. الْحَمْدُ لِلَّهِ kita sudah mempunyai Mushaf Brunei Darussalam bersaiz besar dan kecil untuk kegunaan penuntut. Namun dengan perubahan zaman. Apakah ada usaha pihak kementerian untuk mengusahakan

Mushaf Brunei Darussalam secara digital baik secara aplikasi laman *web* atau sesuai dengannya?

Ini kerana orang ramai terutama sekali para belia merujuk Al-Quran dan maksudnya di *Internet* termasuk di *gadget* seperti telefon bimbit dan memberi ingau hati juga kalau laman web yang dirujuk itu diragui kesahihannya. Sekurang-kurangnya juga jika ada mushaf kitani secara digital ia dapat diakses secara elektronik dan tidak lagi diragui maksud ataupun tulisannya.

Contohnya dapat saya berikan baru-baru ini beberapa qari dan qariah menggunakan *handphone* ataupun *tablet* semasa pertandingan musabaqah dan setentunya dapat dijadikan contoh orang ramai untuk sentiasa berdamping dengan Al-Quran di mana-mana; dan

2. Apakah bantuan dan bimbingan yang diberikan kepada golongan muallaf? Adakah strukturnya disesuaikan dengan keperluan sekarang? Apa yang dimaksudkan di sini ialah pasangan yang sering ke luar negara kerana tugas ataupun melawat keluarga.

Apakah latihan dan bimbingan disesuaikan dengan waktu mereka yang terhad. Untuk menghadiri kelas bimbingan di negara kitani? Mungkin dapat diberikan pilihan untuk melakukannya secara *online*. Juga memberi kekhuatiran ialah apakah bimbingan dan intevensi pada

pasangan yang salah seorang adalah muallaf?

Akan tetapi jika mereka berpisah atau bercerai apakah usaha kitani untuk memberi bimbingan dengan pada golongan muallaf ini supaya iman akidah mereka tetap terjaga? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

1. Berhubung dengan menerbitkan atau mengeluarkan Mushaf Brunei Darussalam secara digital berupa aplikasi secara tepatnya kaola dapat nyatakan sudah ada projek sedemikian, sedang berjalan pada masa ini yang dinamakan Projek Aplikasi Brunei Darussalam dan terjemahannya. Perkembangan projek itu pada masa ini ialah penyediaan audio dari pembaca qari tempatan kitani. Aplikasi tersebut akan mengandungi 2 paparan iaitu:
 - i. Paparan Mushaf Al-Quran itu sendiri sebagaimana yang diterbitkan; dan
 - ii. *Tutorial view* iaitu Pengajian Al-Quran.

Hajat yang sebagaimana yang Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad itu tadi **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kalau sudah siap projek ini di bawah kelolaan Pusat Da'wah Islamiah dengan

kerjasama Bahagian Information Teknologi di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Perkara ini akan mendatangkan faedah sebagaimana yang dikehendaki; dan

2. Kelas Bimbingan Muallaf. Bolehkah diadakan secara *online* kerana untuk menyesuaikan dengan waktu yang terhad bagi orang-orang muallaf. Boleh atau tidak, tapi sekarang ini kaola ingin nyatakan struktur ataupun cara bimbingan yang diberikan pada masa ini ada pelbagai cara:

- i. Pengenalan asas, pengenalan Islam;
- ii. Bimbingan asas; (bimbingan asas 1 selama 10 hari dan ke-2 selama 14 hari); dan
- iii. Bimbingan lanjutan (bimbingan lanjutan 1 dan 2).

Yang asas berkenaan diadakan di daerah-daerah di Cawangan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sementara bahagian lanjutan 1 dan 2 diadakan di bandar Pusat Da'wah Islamiah sendiri dan mereka ditempatkan di Pusat Da'wah Islamiah untuk mengikuti kursus tersebut.

Apakah bimbingan-bimbingan dan latihan-latihan ini dapat didigitalkan dan sebagainya? Memang dapat sebenarnya, kitani melihat kepada hajat untuk melatih dan membimbing.

Hajat untuk melatih dan membimbing itu lebih berkesan dengan secara *talakti* ertinya bersemuka. Macam kitani masuk dalam darjah untuk belajar ini dan sebagaimana juga murid-murid untuk belajar sembahyang dan diaturnya sembahyangnya.

Kalau secara *online*, cara *one way* saja kalau akan lagi *interactive* lagi payah memakan waktu dan sebagainya. Melihat kepada bentuk-bentuk latihan dan bimbingan sedemikian itu masih lagi relevan dan sangat tepat yang kesannya diketahui sangat baik dan akan diteruskan.

Mungkin ada bahagian-bahagian yang boleh *online* iaitu pengetahuan Ugama Islam *in general* ini memang banyak dapat diperolehi, tidak perlu mencari secara akses daripada PDI dan sebagainya tetapi banyak melalui *website* atau laman-laman sesawang yang telah menawarkan sedemikian ini dan **إِن شَاءَ اللَّهُ** kalau yang berkenaan itu rajin bukan sahaja sebagai muallaf tetapi sebagai orang Islam. Mereka boleh menambah pengetahuan sedemikian.

Tapi untuk membimbing dan melatih bagaimana kesempurnaan sembahyang dan sebagainya sangat perlu secara *talakti* ataupun bersemuka dan kerana itulah orang-orang di

pendalaman mua'alaf saudara-saudara kita yang tidak dapat ke bandar oleh sebab usia ataupun oleh sebab jarak yang terlalu jauh ataupun mereka susah maka ada dinamakan bimbingan secara bergerak.

Ertinya pembimbing-pembimbing Pusat Da'wah dan Islamiah turun ke daerah-daerah untuk membimbing saudara-saudara Mu'alaf. Bukan sahaja dalam tempoh yang ditentukan tapi berpanjangan. Membimbing dan memantau mereka itu supaya melaksanakan ajaran-ajaran Islam dengan sebaik-baiknya.

Kaola rasa dalam konteks bimbingan yang ada sekarang ini, misalnya sebagaimana yang disebutkan tadi perceraian antara pasangan seorang Mu'alaf dan seorang itu memang asal Islam, isteri atau suami dan sebagainya. Jadi bagaimana untuk memeliharanya mereka? Pemeliharaan akidah mereka ini termasuk dalam kursus dan latihan ini.

Latihan itu sudah ada dan mereka diserapkan pada latihan ini, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, mereka akan ada usaha kitani menjaga. Memang kewajipan kerajaan di bawah undang-undang apabila seseorang masuk agama Islam menjadi tugas Majlis Ugama Islam memeliharanya untuk menjadi seorang Islam yang baik. Demikianlah yang kaola dapat respons kepada soalan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk kepada Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kaola ingin mengetahui, apakah jenis bantuan yang diberikan oleh pihak kementerian dalam mengurangkan beban bagi wanita-wanita yang ingin menuntut hak nafkah mereka? Ini disebabkan terdapat wanita yang ditinggalkan oleh suami mereka tidak mempunyai sebarang pekerjaan dan mereka juga yang akan menanggung anak.

Mereka seperti dihukum kerana perlu membayar kos berkaitan dengan menuntut hak-hak mereka. Bayaran yang sedia ada pada masa ini oleh pihak mahkamah juga agak tinggi sehingga menyebabkan mereka membatalkan untuk membuat tuntutan. Apatah lagi mengupah peguam untuk menegakkan hak-hak mereka itu.

Kaola ingin mencadangkan sekiranya kos itu belum dapat ditiadakan, sekurang-kurangnya diberikan kelonggaran secara *case by case* mengikut keadaan latar belakang sosioekonomi bagi pihak yang menuntut.

Di samping itu, bantuan peguam *probono* juga dapat disalurkan ke Mahkamah Syariah kerana berkemungkinan wanita-wanita ini tidak tahu bagaimana untuk mencari

maklumat khidmat *probono* tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Apakah kementerian dapat membantu bekas isteri, wanita yang bercerai dan menuntut hak nafkah dan sebagainya? Masalah ini boleh dikatakan masalah mahkamah tapi menghairankan juga kalau disebut mahkamah mengenakan caj atau bayaran-bayaran tertentu yang tinggi.

Perkara ini perlu juga kaola siasat sebenar-benarnya. Tapi yang diketahui kalau mereka itu menuntut apa-apa semua datang ke mahkamah yang akan memakan perbelanjaan itu, apabila mereka *mengengage* ataupun mengambil, melantik peguam dalam perkara itu, peguam inilah barangkali yang membebankan mereka.

Cadangan daripada Yang Berhormat tadi, kalau sedemikian itu ada bantuan guaman diberikan melalui Majlis Ugama Islam disalurkan kepada mahkamah. Jadi, mahkamah akan mentadbir sedemikian itu. Cadangan akan dipertimbangkan dan diteliti sejauh mana relevannya dalam kes yang sedemikian Yang Berhormat Pengerusi.

Kalau misalannya mereka sampai jatuh dan berhutang dan hutang itu pula menjadi tunggakan kepada peguam bukan ke mahkamah, sebagaimana jua ibu-ibu tunggal tersenarai sama ada tersenarai sebagai penerima Asnaf-Asnaf Fakir dan Miskin untuk tempoh

2 tahun untuk dirinya dan anak-anaknya. Pada masa ini, sudah ada kes-kes demikian dan dapat diperuntukkan daripada wang zakat.

Dari segi orang behutang (Al-Gharimin) kalau mereka itu betul-betul jatuh dalam kategori (Al-Gharimin) hutangnya itu hutang yang benar-benar dari segi syarie dapat melayakkan mereka untuk mendapat bahagian Zakat Asnaf (Al-Gharimin). Yang Berhormat Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengetahui kes sedemikian ini, mari kita duduk bersama-sama melihat bagaimana kes ini dapat kita huraikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Lebih dahulu kaola mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk meyuarkan soalan mahupun cadangan dalam membahaskan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tahun Kewangan 2018/2019.

Kaola ingin meyuarkan dengan kedudukan graduan berkelulusan agama sama ada dari KUPUSB, UNISSA mahupun graduan kelulusan dari luar negara yang semakin meningkat bilangannya yang masih mencari pekerjaan. الْحَمْدُ لِلَّهِ walaupun peluang untuk mendapatkan perkerjaan tetap di

sektor swasta, awam amat terhad dan mencabar, namun berbagai-bagai inisiatif telah dibuat oleh pihak kerajaan dengan kolaborasi bersama agensi-agensi berkenaan seperti *Darussalam Enterprise (DARE)*.

Begitu juga dengan wujudnya program-program laithan seperti Program Pembangunan Kapasiti, Program Peluang Pekerjaan yang dipanggil Program Perintisan (*i-Ready*) sedikit sebanyak telah membuka peluang kepada graduan-graduan ini untuk bekerja dan mencari rezeki.

Apa yang membanggakan lagi ramai graduan yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan dengan membuka syarikat sendiri dengan menawarkan perkhidmatan sesuai dengan kemahiran dan pendidikan mereka seperti *Syarikat Al-Huffaz Management, Al Manage Centre, Tarbiyah Project, Nadikeronik* dan banyak lagi syarikat yang diusahakan oleh para graduan.

Namun dalam masa yang sama ramai lagi graduan yang masih menunggu mencari peluang pekerjaan. Apa yang kaola ingin cadangkan ialah jawatan pekerjaan sebagai Guru Agama di sekolah swasta. Apa yang kaola maklum bahawa mata pelajaran agama di sekolah-sekolah rendah swasta dan mata pelajaran IRK (Pengetahuan Agama Islam) di sekolah-sekolah menengah swasta termasuk sekolah bertaraf antarabangsa merupakan tenaga pengajar yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui

Jabatan Pengajian Islam dan Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah.

Berbanding mata pelajaran umum yang lain tenaga pengajar di sekolah-sekolah swasta rendah dan menengah adalah tenaga pengajar yang digaji sendiri oleh sekolah-sekolah berkenaan. Memandangkan mata-pelajaran agama ini merupakan mata pelajaran teras dan termasuk dalam kurikulum kebangsaan sebanding dengan mata pelajaran-pelajaran yang lain maka sudah tiba masanya untuk kita memberikan arahan dan cadangan kepada sekolah-sekolah swasta dan antarabangsa ini untuk menwujudkan Jawatan Khas Tenaga Pengajar mata pelajaran agama dan digaji sendiri oleh sekolah-sekolah swasta berkenaan.

Mengikut data tahun 2017 sebanyak 57 buah sekolah swasta peringkat rendah, menengah dan antarabangsa yang terdapat di Negara Brunei Darussalam ini, wujudnya tenaga pengajar mata pelajaran agama dan Pengetahuan Agama Islam, kaola percaya dapat membantu graduan-graduan lulusan agama yang mencari pekerjaan ini untuk diterima bekerja di sekolah-sekolah swasta.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, ini sebagai usul untuk mengadakan program pendedahan dan keupayaan qari dan qariah Negara Brunei Darussalam. Dalam Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan baru-baru ini. Kaola mengamat-amati ulasan yang

diberikan oleh Pengerusi Jemaah Hakim bahawa antara usaha ke arah memantapkan bacaan para qari dan qariah kita adalah dengan mendedahkan mereka ini untuk sering membuat persembahan bacaan Al-Quran di khalayak seperti saranan qari jemputan luar negara. Maka elok untuk kita mencuba saranan ini dengan mengetengahkan mereka membaca Al-Quran seperti tarhim dan tazkir di masjid-masjid umpamanya.

Persembahan bacaan Al-Quran sebelum atau selepas solat fardu Jumaat atau di majlis-majlis rasmi dan majlis-majlis keraian seperti perkahwinan dan sebagainya. Setidak-tidaknya langkah ini akan memberi impak yang baik terhadap *confident* mereka di samping meningkatkan lagi kemahiran melalui program pendedahan ini selain program latihan dan kursus yang disediakan. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Bilangan pencari pekerjaan dari kalangan lepasan-lepasan pendidikan agama sama-sama kita telah ketahui dan usaha-usaha untuk mengatasinya bukan sahaja melalui kerajaan bahkan juga usaha swasta sendiri atau menjadikan mereka itu pengusaha-pengusaha dalam bidang yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Mereka menubuhkan syarikat-syarikat dan sebagainya, ini satu perkembangan

yang baik sesuai dengan keperluan kita untuk meningkatkan ilmu, menyebarkan agama dalam kalangan rakyat dan sebagainya.

Persoalannya tadi supaya sekolah-sekolah swasta yang ada pelajaran agama ataupun pelajaran Pengetahuan Agama Islam (*IRK*) pada masa ini gurunya disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam. Lebih 100 orang adalah dalam *list establishment* Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Pengajian Islam.

Bolehkah sekolah-sekolah tersebut melantik guru mereka supaya mengambil guru-guru ataupun lepasan-lepasan yang menunggu dan mencari pekerjaan?

Masalah sekarang ialah Yang Berhormat memberikan cadangan/arahan kepada pihak sekolah, sebaiknya cadangan tersebut janganlah datang dari kerajaan kerana kerajaan pada masa ini masih mampu untuk menyediakannya dan kalau ada arahan apa lagi dari kerajaan. Seolah-olah kerajaan akan berlepas taksir sekiranya sekolah swasta tidak mampu mengadakan guru maka kelas-kelas agama di sekolah tersebut akan terbengkalai ataupun ditutup.

Jadinya sementara kerajaan masih lagi bertanggungjawab untuk menjadikan rakyat mempunyai pelajaran agama sekurang-kurangnya di peringkat fardu ain dan memahami konsep-konsep Islam di peringkat menengah dan kalau ada usaha-usaha sekolah untuk

menambah guru, *social responsibility*nya mungkin memerlukan tambahan pelajaran Al-Quran, latihan sembahyang dan tambahan-tambahan ini dilakukan di luar daripada jadual memerlukan guru tambahan dan kalau misalannya pihak sekolah itu ingin mengadakan bolehlah mereka melantik dari lepasan-lepasan yang layak untuk mengajar pelajaran agama ini. Tapi mereka mestilah mendapat tauliah mengajar daripada Majlis Ugama Islam Brunei.

Memberikan pendedahan kepada qari dan qariah kita. Ini juga satu perkembangan yang baik dengan tidak perlu campur tangan kerajaan. Qari dan qariah kita sudah masuk ke dalam suatu ruang bahawa mereka itu dilihat oleh masyarakat untuk mengisi ruang-ruang tersebut.

Misalannya dalam majlis perkahwinan atau pernikahan sudah ada menjemput qari dan qariah yang sudah agak ternama misalannya mempersembahkan bacaan Al-Quran dan mereka mendapat rezeki yang selayaknya. Mereka ini ada yang bertugas sebagai Pegawai Masjid dan mereka membaca Al-Quran antara waktu sebagaimana yang disebutkan sebelum solat fardu Jumaat dan waktu solat fardu Subuh selepas bacaan Tarhim ada juga bacaan Al-Quran dan sebagainya.

Mereka ini telah terdedah dan tujuan untuk mendedahkan mereka ini tidak semestinya diaturkan oleh kerajaan tetapi **الْحَمْدُ لِلَّهِ** mereka sendiri mengaturnya dan masyarakat sendiri menyambutnya. Kita sendiri melihat

pada masa dahulu kumpulan nasyid, sekarang ini tausyeh terdiri daripada kalangan lepasan pusat-pusat pengajian Islam dan ini sangat menggembirakan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Jahari @ Johari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Jahari @ Johari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

الْحَمْدُ لِلَّهِ daripada penerangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama membuatkan soalan-soalan kaola menjadi kurang.

Kaola membawa Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

1. Kaola berpendapat hukum makanan halal telah jelas kepada umat Islam sejak 1400 tahun yang lalu, hanya saja bila kita memberikan kebenaran makanan halal kepada pengusaha restoran dan makanan kepada orang-orang bukan Islam maka timbulah cerita pengeluaran Permit Halal. Persoalannya:

- i. Sejauh manakah pengusaha-pengusaha ini sepenuhnya patuh syarak?; dan

- ii. Apakah bilangan penguat kuasa mencukupi bagi menjalankan penguatkuasaan memastikan patuh syarak? Perkara ini pernah kaola timbulkan pada perjumpaan bersama Unit Halal di bangunan MMN yang lalu.

Apakah Pegawai Penguatkuasaan mencukupi? Jawapannya kurang mencukupi. Apakah memastikan patuh syarak dipatuhi? Masihkah ada keraguan ketidakpatuhan syarak itu? Maka ada jawapan, masih terdapat keraguan. Jika ini terjadi dikhuatiri perkara ini akan berpanjangan maka dicadangkan supaya keanggotaan penguatkuasaan ditambah *as a whole nation approach*;

2. Bandarku Ceria telah berjaya menghimpunkan sebilangan rakyat mengikuti aktiviti berkenaan. Apa kiranya pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama menganjurkan solat fardu Subuh pagi Jumaat senegara di masjid-masjid seluruh negara. Sekurang-kurangnya diadakan sebulan sekali atau dua bulan sekali. Dicapangkan juga supaya diadakan pelancaran solat fardu Subuh senegara sebagai tanda permulaan. Itu pun jika cadangan ini diterima, pengisiannya pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah lebih arif.
3. Masalah sosial generasi muda masa kini, terutamanya malam minggu dengan anjuran hiburan dan terlibat dengan pergaulan lelaki dengan perempuan secara bebas, maka

dicadangkan pemerksaan amar ma'aruf nahi mungkar *as a whole of nation approach* bagi memantau dan pencegahan yang lebih komprehensif dan berkesinambungan;

4. Sejauh mana, sebenarnya ini dikira soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat awalnya. Kaola merista sedikit saja, sejauh manakah kepedulian pihak tertentu terhadap golongan mualaf di Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan mereka kerana jumlah yang memeluk Islam meningkat setiap tahun. Dicapangkan usaha memperkasa bimbingan agama di Pusat-Pusat Kegiatan Agama dan Balai Ibadat, contohnya, di Kampung Bebuluh;
5. Seterusnya, apakah faktor penyebab berlakunya perceraian di Negara Brunei Darussalam? Apakah langkah dan usaha yang diambil pihak berkenaan bagi mengatasi perkara ini?
6. Dicapangkan supaya Peperiksaan Sijil Darjah VI Ugama dibukakan kepada calon persendirian seperti mana peperiksaan Peringkat 'O' dan 'A' di Kementerian Pendidikan. Ini kerana pada masa ini, Sijil Darjah VI Ugama juga menjadi keutamaan dalam keperluan mendapatkan pekerjaan;
7. Apakah ada perancangan untuk memperkasa urusan-urusan haji? Ini pun sudah dibawa, tetapi kaola

teruskan. Melalui Tabung Haji yang ada atau melalui pihak-pihak dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti bagi mengadakan dewan atau tempat khas pemeriksaan imigresen dan kastam bagi rombongan haji sebelum berlepas? Ini memang melibatkan Kementerian Perhubungan.

Dan isu tambang haji juga sudah dibawakan. Jadi, *الحمد لله* mudah-mudahan tambang haji yang sekarang ini dikatakan berbanding dengan negara-negara *ASEAN*, memang kita sebuah negara yang tertinggi dari segi isu tambang haji.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Ada 7 soalan, kaola seboleh-bolehnya ringkas saja menjawabnya, Yang Berhormat Pengerusi.

1. Hukum makanan halal ini sebagaimana yang secara panjang lebar mukadimahnya, pertanyaannya ialah apa persyaratan, adakah dikira keraguan? Jadi dicadangkan supaya ditambah penguat kuasa kerana maklumat yang ada kepada Yang Berhormat itu semasa pertemuan dengan pihak yang berkenaan di Bahagian Makanan Halal Jabatan Syariah bahawa penguat kuasa

kurang mencukupi. Cadangan ini disambut baik, tertakluk macam mana kitani mengisikannya.

Misalannya, bahagian itu telah di *reinforced* dengan tenaga-tenaga baharu dengan bantuan bahagian-bahagian lain di Jabatan Perdana Menteri dan menguatkuasakannya dengan beberapa jawatan sementara dan sebagainya untuk tujuan-tujuan ini. Cadangan itu diterima dengan baik;

2. Berhubung dengan rancangan mengadakan solat fardu Subuh senegara, sesuai dengan Bandarku Ceria. Setakat ini, ada solat fardu Subuh di Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien sahaja dan diselajurkan dengan ceramah. Cadangan ini juga boleh diteliti, bagaimana kesesuaiannya;
3. Masalah sosial. Tadi Yang Berhormat itu menyebut pemerksaan-pemerksaan dan kaola bersetuju penguat kuasa diperkasakan dalam hal-hal ini. Tetapi kitani jangan lupa, Yang Berhormat ada menyebut *whole of nation approach*, bahawa penguat kuasa Agama sama juga termasuk kumpulan penguat kuasa dari jabatan-jabatan lain seperti Imigresen, Buruh, Polis dan sebagainya.

Ada waktu-waktunya mereka melakukan operasi bersama dan operasi bersendirian. Jadi untuk mereka ini diperkasakan melalui dua cara iaitu bilangannya dan cara kerjanya. Ini memang hajat

Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memperkasakan penguat kuasa Agama supaya menambah nilai kepada tugas-tugas mereka bukan sahaja setakat masalah sosial pada malam minggu, terutama sekali dalam melaksanakan nanti.

Apabila kitani melaksanakan Fasa Kedua, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, mereka ini adalah sangat penting untuk diperkasakan dan untuk memperkasakan diri mereka dengan melengkapkan kemahiran mereka dan sebagainya.;

4. Sejauh mana pemeduliaan terhadap saudara-saudara baharu dari segi bimbingan dan Yang Berhormat juga bersetuju supaya bimbingan sekarang ini diperkasakan. Memang ke arah itulah tujuan-tujuan kitani untuk memperkasakannya.;

5. Apakah faktor penyebab perceraian? Soalan ini, dari segi agama, disebabkan beberapa faktor misalannya tidak sabar dan banyak yang berkaitan dengannya. Jadi kajian-kajian yang menyebabkan faktor satu, dua, tiga dan empat dan sejauh mana kajian itu dapat diaplikasi dan benarkah faktor itu penyebabnya.

Tetapi yang mustahak sekali, sebelum pasangan-pasangan bernikah mereka dipersyaratkan untuk mengikuti kursus kahwin. Selepas itu, apabila terjadi perkara-perkara yang membawa perceraian, mereka akan dikaunseling untuk

mendapatkan khidmat nasihat keluarga. Jadi usaha itu ada, tinggal lagi bagaimana ia berkesan atau tidak dan itulah kitani bersetuju bagaimana untuk memperkasakan.;

6. Ini juga satu cadangan yang bagus, Yang Berhormat Pengerusi. Ini untuk melihat supaya Sijil Darjah VI yang sudah mempunyai nilai ekonomi sekarang ini apabila memohon jawatan-jawatan tertentu, akan dilihat sama ada bersekolah agama dan setakat mana kelulusan itu.

Memang satu cadangan yang baik dan pihak kementerian bersama Jabatan Pengajian Islam boleh untuk meneliti kesesuaiannya untuk mengadakan peperiksaan terbuka kepada calon-calon persendirian;

7. Memperkasakan Urusan Haji yang disebutkan tadi seperti yang kaola dengar ialah untuk mengadakan, misalannya khidmat khas bangunan ataupun satu *annex* dari lapangan terbang bagi Imigresen dan Kastam bagi musim-musim haji dan keperluan lain sebagainya seperti hospital dan lain-lain. Kitani pun maklum jemaah-jemaah haji kitani jumlahnya sekian dan musim-musim sekian, bukan sepanjang minggu atau sepanjang tahun.

Jadi slot-slot yang diberikan oleh syarikat penerbangan sesuai dengan slot-slot yang ditentukan oleh pengurusan Jabatan Penerbangan

Awam yang berjalan lancar sebagaimana yang ada sekarang ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ semua pihak bekerjasama iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Penerbangan Awam mengatur pemeriksaan Imigresen, Kastam dan sebagainya dengan teratur. Perkara ini berjalan dan tidak menimbulkan sebarang apa-apa untuk kitani segera untuk mengubah atau hendak memperkasakan lagi seolah-olah yang ada sekarang ini tidak perkasa, memang sudah perkasa.

Jadi kaola rasa ketujuh-tujuh soalan tadi dapat kaola respons, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 3 soalan sebenarnya, 2 soalan telah dihadapkan oleh Yang Berhormat terdahulu daripada kaola iaitu mengenai peranan masjid Kuliah Subuh dan orang mualaf iaitu kelas-kelas Mualaf.

Walau bagaimanapun, ada satu soalan belum ditanya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kaola akan terangkan selanjutnya. Dalam usaha memperkembangkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam, masjid dilihat juga peranan besar dijadikan pusat kapasiti masyarakat Islam lagi memberikan bimbingan dan perkhidmatan pada bila-bila masa ke arah memenuhi kehendak masyarakat Islam yang serba mencabar. Usaha ini sejajar ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan fungsi dan peranan masjid di perkasa iaitu:

1. Menyediakan kemudahan-kemudahan kemudahan prasarana masjid yang serba lengkap sesuai dengan fungsinya sumber ilmu pengetahuan.;
2. Menempatkan pegawai-pegawai dan kakitangan masjid yang cukup terlatih mempunyai berbagai-bagai kebolehan khususnya bagi memenuhi keperluan semasa;
 - i. Menyediakan tenaga pengajar di luar waktu kelas-kelas yang sedia ada bagi mengajar Kelas-Kelas Bimbingan Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah untuk memenuhi keperluan individu dan masyarakat muslim; dan
 - ii. Pusat rujukan bagi menyediakan khidmat nasihat berkenaan hukum-hukum atau hal-ehwal

agama Islam kepada masyarakat dan penduduk Islam setempat juga yang memerlukan terutama sekali kepada saudara-saudara baharu iaitu mualaf yang telah memeluk agama Islam dan akan memeluk agama Islam.

Sekian Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung. Ada 4 soalan dan soalan yang ke-3 itu kaola terlalai dan diharap Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung akan mengulang apabila sampainya nanti.

Merespons soalan yang pertama supaya masjid diperkasa dengan melengkapkan prasarannya dan yang kedua pegawai-pegawai masjid yang lengkap berkemahiran. Pembinaan bangunan-bangunan masjid baik yang sudah ada atau pembinaan ke hadapan ada panduan-panduannya.

Prasarana yang dimaksudkan untuk masjid itu tentulah diambil kira seperti ruang sembahyang, mimbar, mihrab dan prasarana yang lain iaitu kemudahan berwudu dan sebagainya. Tetapi, satu lagi perkara yang dimestikan ialah kemudahan menyempurnakan jenazah dan yang belum ada misalannya satu *standard* dalam panduan pembinaan masjid itu apabila ia dibina ialah mengenai Dewan Serba Guna, kerana keperluan sudah

ada pada masa ini. Jadi, 2 perkara ini sahaja yang nampak untuk difikirkan iaitu menyediakan kemudahan penyempurnaan jenazah di masjid-masjid dan memikirkan atau mengadakan Dewan Serba Guna di masjid-masjid. Jadi, bagaimana pelaksanaannya tertakulklah kepada:

- i. Kesesuaian peruntukan;
- ii. Kesesuaian dengan keperluan sebenar-benarnya bagi sesebuah masjid di kawasan-kawasan tertentu;

Jadi, masjid yang lengkap dengan pegawai-pegawai berkemahiran, sekiranya kaola mengatakan pegawai-pegawai yang pada masa ini dilengkapkan dengan kemahiran seolah-olah mereka yang dilantik itu belum berkemahiran sebenarnya mereka sudah berkemahiran.

Bahkan kalau kita mengkaji Yang Berhormat itu sendiri dapat mengesan pada masa dahulu pegawai-pegawai masjid hanya terdiri daripada orang yang belajar di balai-balai ataupun setelah kita terdapat Maktab Perguruan adalah lepasan-lepasan Maktab Perguruan jadi guru-guru Ugama.

Jadi, pada masa ini ada satu generasi baharu iaitu generasi yang berpendidikan tinggi di pusat pengajian tinggi. Mereka ini sudah diserapkan ke masjid-masjid, kerana itu ada pegawai-pegawai masjid berijazah, dengan sendirinya, apa yang dikatakan berkemahiran dan berkelayakan itu memenuhi lantikan mereka. Mereka dilantik setelah terbukti bahawa mereka

mempunyai kemahiran dan kelayakan dan peraturan-peraturan pekerja mereka juga diaturkan.

Mereka yang berilmu ini memberikan khidmat nasihat dalam banyak perkara dalam membimbing perkara-perkara keagamaan, kemasyarakatan dan mereka dapat dirujuk sebagai orang yang dirujuk membimbing ataupun menerangkan sesuatu.

Kalau mereka perlu kepada hukum-hakam dan sebagainya dan mereka juga boleh menjadi saluran untuk perkara itu dirujuk kepada Jabatan Mufti Kerajaan pihak yang berkenaan dan mungkin bagi mendapatkan irsyad dan sebagainya.

Perkara itu adalah berjalan, kitani jangan silap-silap menggunakan perkataan-perkataan memperkasakan, melengkapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran.

Ini seolah-olah mereka tidak berkemahiran menjawat jawatan Imam dan Bilal. Minta maaf, **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kita faham mengenai perkara itu sekarang ini. Jadi yang ke-3 itu, Yang Berhormat cuba dapat diulang. Kaola memohon Yang Berhormat Pengerusi supaya Yang Berhormat dapat mengulang.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Soalan yang keempat Pusat Rujukan Khidmat Nasihat berkenaan hukum-hukum atau hal-hal agama Islam kepada masyarakat dan penduduk Islam setempat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Perkara itu sudah saya respons tadi. Soalan ketiga.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:

iii. Menyediakan tenaga pengajar di luar waktu kelas-kelas yang sedia ada bagi mengajar kelas-kelas bimbingan fardu ain dan fardu kifayah untuk memenuhi keperluan individu dan masyarakat muslim.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Sebagai tambahan kepada menjadi tenaga pengajar, pihak masjid telah pun menyediakan jadual dan kegiatan keilmuan. Usaha menyediakan bimbingan bagi hal-hal yang sedemikian itu boleh diserapkan ke dalam program-program Takmir Masjid dari segi bidang keilmuannya.

Jangan satu program untuk seorang sahaja sedangkan mereka itu ada sudah di masjid tersebut dan kalau mereka berdua atau bertiga lagi baik. Tetapi untuk mengatakan program ini ditentukan orangnya ia tidak akan berakhir, setiap program itu sudah kita ukur kemampuannya melaksanakan program dan mengadakannya. Mereka itu berkelayakan untuk menjadi pembimbing khidmat nasihat, tenaga pengajar dan sebagainya. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Sekarang saya persilakan

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. الْحَمْدُ لِلَّهِ dan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam kerana telah memberikan perhatian kepada Al-Quran dengan terus memelihara dan memartabatkan dengan mengadakan pelbagai program mengenai Al-Quran seperti program mempelajari menerusi sistem prasekolah agama dan menghafaz seperti di Institut Tahfiz Al-Quran, Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi golongan pelajar.

Selain itu adalah diambil maklum Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui pusat kepimpinan dan pembelajaran sepanjang hayat juga ada mengadakan program Tadabbur Al-Quran yang diadakan untuk membimbing masyarakat awam dalam memberikan kefahaman dan penghayatan kepada Al-Quran melalui rujukan dan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Malahan dengan kepesatan teknologi masa kini Al-Quran juga boleh dimuat turun melalui pelbagai aplikasi.

Oleh yang demikian, sepatutnya tidak lagi ada alasan untuk umat Islam di negara ini khususnya tidak celik dan

tidak mencintai Al-Quran. Sudah banyak pilihan bagi kita mendampingi dan menguasai Al-Quran secara lebih konsisten dan istiqamah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 bersamaan Tahun 2017 mengenai hasil kajian ke atas mutu bacaan Al-Quran dan ibadat kesempurnaan sembahyang dalam kalangan murid dan pelajar di semua peringkat persekolahan dan pengajian pada tahap yang membimbangkan iaitu hanya 41% sahaja yang membaca Al-Quran secara konsisten sementara 65% mereka yang masih merasakan kurang berkebolehan membaca dengan bertajwid:

1. Soalan kaola: Apakah perancangan atau inisiatif yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam meningkatkan lagi kebolehan dalam membaca dan memastikan pembaikan pembacaan Al-Quran khususnya dalam kalangan murid dan pelajar sekolah terutamanya dari segi faktor pengajaran dan pengawasan secara yang lebih berkesan?; dan
2. Apakah sudah ada perancangan Jabatan Hal Ehwal Masjid khususnya dalam mengimarahkan atau menghidupkan lagi suasana di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadah di negara ini dengan kelas-kelas mengaji dan

membaca Al-Quran khusus bagi orang-orang dewasa termasuk bagi warga-warga emas dan golongan yang berkeperluan khas dan berkelainan upaya?

Sekian وبالله التوفيق والهداية التيسر بكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

الْحَمْدُ لِلَّهِ nampaknya masyarakat kitani menyedari ada usaha-usaha untuk menyebarkan Al-Quran ini dan bukan sahaja usaha untuk menerbitkan tetapi juga usaha-usaha untuk menyebarkan ilmu sekitar Al-Quran terutama sekali memahami isi kandungan Al-Quran sebagai contoh disebutkan Tadabbur Al-Quran sesuatu peluang untuk orang ramai dalam mengikuti skim program pembelajaran sepanjang hayat yang diadakan oleh UNISSA.

Sebelum UNISSA mengadakannya, Institut Tahfiz Al-Quran sudah mengadakannya dalam beberapa tahun dan digiatkan lagi dalam 2 tahun terakhir ini iaitu dengan mengadakan skim-skim tertentu untuk kefahaman Al-Quran dari segi akidah, kefahaman Al-Quran dari segi kemasyarakatan, kefahaman Al-Quran dari segi berbagai-bagai aspek kehidupan. Semua ini sudah dibukakan kepada orang ramai.

Apakah perancangan atau inisiatif dalam kalangan untuk meningkatkan

lagi perkara ini. Insya-Allah, perkara ini kalau di masjid-masjid sudah pun ada misalnya untuk pembelajaran Al-Quran ataupun sebagainya itu sudah ada. Kalau sudah ada tinggal sahaja lagi kitani mempergiatkannya dan meningkatkan mutunya.

Kemudian, hal ehwal masjid ditanyakan. Apakah hal ehwal masjid menggunakan perancangan pentakmiran dengan kelas-kelas mengaji Al-Quran dan agama. Sebenarnya masjid-masjid itu sendiri dikendalikan kalau dari segi usaha mentakmir itu Jawatankuasa Takmir. Kalau ada program seperti ini terfikir dalam kalangan ahli masjid qariah masjid itu, jemaah masjid itu dan bukan dari kalangan yang termasuk dalam Jawatankuasa Takmir, bolehlah disalurkan kepada Jawatankuasa Takmir untuk memikirkan rancangan-rancangan sedemikian.

Pada masa ini, kementerian sangat gembira melihat perkembangan di masjid-masjid apabila jemaah-jemaahnya mengambil inisiatif sendiri misalannya untuk khatam Al-Quran seminggu sekali dikhatamkan. Ada kumpulannya berhalaqah dalam belasan orang, mengaji setiap subuh dan diazamkan setiap minggu dikhatamkan dan beberapa majlis sudah berjalan sedemikian itu.

Kalau masjid di kampung saya sendiri saya tidak tahu bahawa program itu adalah inisiatif masjid itu sendiri dan bukan inisiatif dari kerajaan dan kementerian dan sebagainya. Tetapi ia dalam inisiatif dan ruang rangka

kegiatan takmir masjid yang ditetapkan, yang diaturkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, tinggal hanya lagi pengisiannya itu terserahlah kepada masjid-masjid dan sedemikian itu berlaku dan mudah-mudahan akan terus berlaku dan berkembang di mana-mana.

Masyarakat kitani sebagai Negara Zikir itu insya-Allah kita sebenarnya berada sudah di dalam itu. Negara kita sudah menjadi Negara Zikir tetapi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berazam untuk mengesankan lagi sifat-sifat zikir itu ke dalam kehidupan kitani, insya-Allah.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya akan menyentuh hakikat bahawasanya persidangan ini diikuti oleh seluruh masyarakat pada masa ini. Setiap apa yang diberitakan ataupun dimasukkan dalam akhbar dan sebagainya dalam program TV dan sebagainya, diambil berat oleh masyarakat.

Di sini ingin kaola timbulkan satu perkara yang viral 2 ke-3 hari ini, iaitu masyarakat membaca berita mengenai, kaola baca:

"Import duty for alcohol beverages suggested".

Perkara ini di bawa oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat di sini, jadi pemberitaannya berbunyi: *"Legislative Council LegCo Member yesterday suggested that the government impose and import on duty on alcohol beverages brought into the country from border checkpoint with the exception of the diplomatic official. Every year there are thousands of border hoppers bringing in liquor based on the limit for personal consumption, he said, adding that there has to be a big number of staff to monitor this, which requires a huge expenditure".*

"The LegCo member said this does not bring any revenue to the nation. Therefore, it is high time for the government to impose import duty. Minister of Finance II YB Dato Seri Paduka Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah said it was a good suggestion and that it will be looked into by his ministry and other relevant ministries".

Perkara ini sudah *viral* dan masyarakat telah membuat *assumption* ataupun pemikiran sendiri seolah-olah benda itu sudah dibenarkan dan sedang dalam pertimbangan. Ada sebahagiannya berpendapat kalau ada *import duty*, tidakkah pihak kerajaan akan menyatukannya dengan wang

terkumpul negara sifatnya syubah dan haram kalau dijadikan untuk membayar gaji pegawai kerajaan. Itu pandangan sebahagian orang. Juga ini dikira sama kes semasa dahulu ada seorang Ahli Yang Berhormat juga pernah menimbulkan perkara yang sama tetapi lain *nature* nya dan telah dijawab secara tegas oleh Menteri Hal Ehwal Ugama ketika itu.

Jadi kaola dalam kesempatan ini, semasa membincangkan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama kaola mengambil kesempatan untuk meminta penjelasan ataupun kalau boleh dapat kitani memberikan pandangan kepada masyarakat jangan cepat mengambil keputusan ataupun meneka-neka apa yang tidak sepatutnya dan masih belum lagi diputuskan. Tapi perlulah juga ada pandangan dari pihak berwajib, Kementerian Hal Ehwal Ugama, kaola mohonkan nasihat dan pandangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam hal ini, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim dalam perkara ini.

Kaola tidak bermaksud untuk mengulas pemberitaan yang dibuat oleh media mengenai persidangan kitani ini. Itu bukan sebahagiannya dan kaola tidak juga dapat mengulas apa yang sudah

direspons oleh rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Kewangan II, terhadap soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh, 2 hari yang lalu.

Kitani dalam kerajaan mengetahui hal-hal yang berhubung dengan perkara-perkara yang melibatkan banyak sektor. Jadi kementerian berkenaan yang menghadapi hal-hal yang sedemikian itu akan merujuk kepada sektor-sektor *stakeholders* yang berkenaan.

Jadi dalam perkara ini, setakat mengatakan bahawa rancangan itu boleh diteliti bermakna kerajaan akan berunding dengan *stakeholders* yang lain, dari segi hukumnya, bukan sahaja Kementerian Hal Ehwal Ugama, Majlis Ugama Islam Brunei dan banyak lagi yang patut dilihat.

Dan Tatacara Kerajaan yang sedemikian ini berjalan dengan baik dan kita bolehlah mempercayakan bahawa perkara itu akan diteliti secara menyeluruh oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam pihak kerajaan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira apa pun kita buat sekiranya kurang *determine* ataupun tekun untuk membuat satu ancumannya diri, maka sangat sukar bagi kitani untuk menangkis sesuatu dengan tidak mengetahui apa latar belakangnya perkara yang ditimbulkan dan tambahan lagi pada waktu ini apa dilihat dan apa didengar semuanya

sudah menjadi *viral*. Inilah satu cabaran digital barangkali Revolusi Industri Ke-4 yang sedang kita hadapi.

Jadi, kita harus juga menghadapi cabaran-cabaran ini dengan hati yang terbuka dan insya-Allah kalau sekiranya niat baik kita tetap berpandu kepada ajaran yang biasanya kita amalkan maka kita akan terselamat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menengguhan Mesyuarat Jawatankuasa ini untuk kita berehat selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini bersidang semula setelah kita berehat selama 15 minit. Mesyuarat Jawatankuasa ini masih lagi membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama. Di sini saya masih lagi mempunyai senarai mengandungi beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sebagaimana telah pun kita dengar bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah memberikan penerangan yang panjang lebar mengenai beberapa aspek kementeriannya dan saya minta kalau sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat

yang suka bertanya, janganlah lagi ditanya soalan-soalan yang sudah dijawab dengan tepat dan terperinci.

Ada baiknya ditumpukan kepada perkara-perkara yang belum ditimbulkan. Jadi, ini memberikan kesempatan bagi kita untuk meneruskan usaha kita menyelesaikan perkara-perkara yang masih terdapat di hadapan kita. Dengan itu saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan dihormati sekalian. الْحَمْدُ لِلَّهِ sebelum saya menyentuh mengenai Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama, peruntukan telah diluluskan iaitu \$236,225,580.00.

Dan sebelum itu juga sebelum saya menyentuh mengenai Kod 1116 - Hal Ehwal Ugama mengenai Masjid-Masjid baharu, bahawa dalam kesempatan ini, dalam Dewan yang mulia ini saya bersama rakyat dan penduduk serta Persekutaran Kampung Mentiri dan Mukim Mentiri menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia ehsan raja berjiwa rakyat sebuah masjid baharu, Masjid Hassanal Bolkiah yang dirasmikan oleh baginda sendiri pada 23 Jun 2017 setelah Masjid RPN Kampung Mentiri terlibat dalam musibah kebakaran pada 5 April 2017. Keprihatinan baginda tersebut mencerminkan keperibadian dan kesungguhan baginda dalam menegakkan syiar Islam di Negara Zikir terus bersinar dan diletakkan pada tempat paling tinggi:

1. Yang Berhormat Pengerusi. Saya akan menyentuh mengenai Kod 1116 - Hal Ehwal Ugama. Seperti mana yang tercatat dalam Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Kod 1116-001 - Masjid Baharu RPN Kampung Mengkubau dengan harga Rancangan RKN11 \$5 juta sementara Kod 1116-002 - Masjid RPN Kampung Meragang Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan pada tahun 2018/2019 iaitu \$400,000 dan harga rancangan RKN11 \$5 juta.

الحمد لله Masjid Baharu RPN Kampung Meragang telah diberikan Rancangan Perbelanjaan sebanyak \$400,000 memandangkan penduduk kampung tersebut sudah pun ramai. Soalan saya, bilakah masjid baharu Kampung Meragang dengan mendapat anggaran Peruntukan Perbelanjaan 2018/2019 ini akan dilaksanakan? Harapan saya sebagai

wakil rakyat dan penduduk di Kampung Meragang agar masjid ini dipercepatkan pembinaannya.

Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai terdapat masjid-masjid yang kekurangan pegawai-pegawai masjid di bawah Zon 2, ada masjid 2 orang Imam dan ada masjid 1 Imam dan 1 Bilal.

Soalan saya: Kenapakah masjid utama di Daerah Brunei Muara iaitu Masjid Setia Ali Pekan Muara terdapat 2 orang Pegawai Masjid bertugas sahaja? Kalau kita fikirkan dahulu jawatan ini dipenuhi dengan buruh, Marbut dan Imam. Sekarang negara kita akan menuju Wawasan Brunei 2035, kenapakah kebelakangan ini hanya 2 orang Imam bertugas di masjid utama di Daerah Brunei dan Muara. Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama;

2. Kod 1105-017 - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Di sana terdapat harga Rancangan iaitu RKN11 \$25 juta. Saya akan mencadangkan atau menyuarakan untuk soalan mengenai dengan kolej ini apakah ia termasuk untuk memperkembangkan infrastrukturnya dalam segi bangunan yang ada pada masa ini kerana memandangkan KUPU SB ini adalah satu-satunya IPT yang menawarkan Kursus Pendidikan Agama; dan
3. Yang Berhormat Pengerusi. Saya akan menyentuh mengenai Kod

004/000 - Keselamatan Sosial iaitu
Kod 004/001 - Pemakanan dan
Barangan Halal.

Pertanyaan saya: Apakah tindakan yang diambil jika sesebuah restoran atau tempat makanan dan minuman yang telah beroperasi sekian lama tetapi masih belum mempunyai Sijil Halal dan Label Halal?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Berhubung dengan sembah junjung kasih penduduk-penduduk Kampung Perpindahan Mentiri dan seluruh rakyat di kawasan yang berkenaan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah wajar. Baginda sangat prihatin mengenai kejadian kebakaran sebuah masjid akibatnya ialah jemaah terpaksa berjemaah di Dewan Kemasyarakatan kampung tersebut. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat bercemar duli ke tempat berkenaan sebanyak 2 kali.

Soalannya: Bilakah akan dilaksanakan Masjid Meragang yang mempunyai peruntukan \$400,000 pada Tahun

Belanjawan tahun ini dengan harga \$5 juta dalam RKN 5 tahun? Yang Berhormat mengharapkan supaya dipercepatkan pembinaannya. Melihat kepada angka \$400,000 sebahagian daripada \$5 juta tentulah kita dapat memikirkan bahawa untuk tahun ini Rancangan Pembinaan Masjid Meragang itu bolehlah dikatakan rancangan *initial* permulaan dari segi teknikal dalam menyediakan pelan-pelan dan keperluan-keperluan lain mungkin dari segi *ground work* yang diperlukan dengan perbelanjaan sedemikian. Insya-Allah pada tahun berikutnya kitani akan melihat lagi sejauh mana keperluan untuk membelanjai fasa-fasa dalam perancangan yang akan dibuat pada tahun ini.

Adakah 5 tahun baru siap masjid itu, tidak juga munasabah sedangkan masjid-masjid lain paling lama 2 tahun walaupun tergendala seperti Masjid Sengkarai lebih dari 2 tahun tapi ini tidak akan tergendala insya-Allah. Jadi sentimen atau apanya orang perasaan inginkan bermasjid baharu bagi penduduk-penduduk di sekitar Kampung Meragang dan sekitarnya itu juga perasaan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Insya-Allah dalam perkara itu akan sama-sama kita berdoa mudah-mudahan rancangan membina masjid yang sedemikian itu akan kitani mulakan dan laksanakan dengan sebaik-baiknya.

Masjid di bawah Zon 2 berkurangan pegawainya dengan mengambil contoh 2 orang sahaja diberikan bertugas di Masjid Setia Ali, Pekan Muara. Jadi keperluan mengenai berapa orang

berapa ramai adalah disukat kepada keadaan.

Pertama kalau kitani menyebut masjid utama tentu kita akan melihat keutamaannya akan diberikan tetapi keperluan pada masa itu. Keperluan untuk memimpin jemaah dari segi Imam dan Bilal itu yang diutamakan. Kemudian memberi hairan juga dikatakan tidak ada pekerja untuk pembersihan dan sebagainya.

Jadi dalam usaha-usaha kementerian untuk menjaga masjid ini ada usaha-usaha sama ada dari tabung masjid itu sendiri ataupun dari peruntukan yang dibuat. Perkara ini dapat kaola siasat lebih lanjut lagi apa sebenarnya yang terjadi, sejauh mana benarnya apa yang didakwakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Harga Rancangan bagi KUPUSB \$25 juta, memanglah kitani mengatakan sedangkan sekolah menengah lagi ia boleh mencapai puluhan juta lebih dari \$40 juta. Ini sebuah kampus pengajian tinggi, \$25 juta tidak realistik mungkin ini juga barangkali dapat diusai dengan pihak-pihak berkenaan dalam RKN sejauh mana \$25 juta harga rancangan itu realistik atau bagaimana. Sama-sama kita akan melihatnya pada masa akan datang.

Apakah tindakan yang diambil bagi restoran-restoran yang sudah lama beroperasi tetapi tidak mempunyai Sijil Halal atau Label Halal, di bawah undang-undang yang sekarang dipinda pada 2017 yang pada asalnya *voluntary*

dan sekarang ini diwajibkan dan dengan sendirinya restoran sedemikian itu harus beranggapan secara sukarela atau tidak kerana sekarang ini sudah mandatori ke atasnya.

Tindakan tentulah akan dibuat berdasarkan peraturan-peraturan tersebut kalau benar keengganan untuk memohon beroperasi juga menjadi satu kesalahan tetapi kerana masalah yang lain barangkali kitani siasatlah dulu apa jua kedudukannya. Apakah tindakan yang dikenakan, itu bergantung pada apa sebenarnya keadaan yang menjadikan sedemikian itu. Jadi itu sahaja yang kaola dapat jawab.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Pada petang ini kaola akan menyentuh di bawah Kod 118-003 - Sistem Pensijilan Halal:

1. Dalam perkara ini sukacita untuk mengetahui bagaimana kedudukan bagi orang persendirian yang hanya menghantar dan menyimpan jualan mereka secara sambilan serta bermusim (berkala-kala) serta kecil-kecilan sahaja di kedai-kedai runcit dan *supermarket* di kampung-kampung secara menumpangkan jualan mereka sahaja, adakah

mereka ini juga dikehendaki memohon Pensijilan Halal? Mohon penjelasannya untuk disampaikan kepada anak-anak buah kampung; dan

2. Di bawah Kod 1105 - Pendidikan. Dalam hubungan ini, sukacita juga untuk mengetahui mengenai perubahan waktu pembelajaran penuntut-penuntut sekolah persediaan Arab di seluruh negara yang sebelumnya waktu belajar mulai 7.30 pagi hingga 3.00 petang dan mulai tahun lepas telah diubah dan dipendekkan waktunya mulai dari 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis. Kaola menyebut 'Naem' walaupun ejaannya di sini 'Naim', kerana dalam bahasa arab dua perkataan yang berbeza. Satu seorang yang mendapat nikmat 'Naem', dan seorang lagi 'penidur'. Yang Berhormat bukan seorang penidur, semoga mendapat nikmat. الْحَمْدُ لِلَّهِ

1. Soalan bagaimana kedudukan perusahaan, tadi pagi dalam pembentangan ini telah disebutkan. Ia dinamakan *vendor* makanan yang lazimnya *homebased*, mereka ini dikecualikan. Boleh disampaikan kepada mereka tetapi nasihatkan

dan minta mereka memohon lebih dahulu untuk mendapat pengecualian tidak automatik kerana mereka ini dikecualikan oleh sebab mereka ini tidak memenuhi aturan-aturan untuk mendapatkan Sijil Halal kerana dapurnya dan apa-apa dalam persyaratan sedemikian.

Jadi mereka dikecualikan. Ini untuk mengesahkan barangan bahannya halal, itu akan ada audit terhadap mereka sebelum diberikan pengecualian. Kepada *vendor* sedemikian itu, makanan lazimnya *homebased*, selain gerai tetap dan gerai jangka pendek; dan

2. Pelajar di sekolah Arab sudah berkurangan waktunya. Ini menimbulkan tanda tanya kepada orang ramai tapi sebenarnya tanda tanya itu dapat dijawab dengan jelas bahawa langkah itu ialah kitani meng*consolidate* pertama sekali jadual waktu itu dengan tidak mengurangkan pembelajaran. Malah, dengan sedemikian itu memberikan peluang yang mencukupi kepada guru-guru untuk membuat kerja *homework*, memeriksa *homework* dan sebagainya. Kepada murid-murid memberikan peluang lagi kepada mereka ada masa dengan bersama keluarga mereka.

Tidaklah balik sampai pukul 3 lebih dan sebagainya itu akan menjadikan mereka letih dan sebagainya. Ini sebenarnya pada mulanya menjadikan satu yang *upset* juga

kepada setengah-tengah ibu bapa tapi setelah berjalan dilakukan pada tahun lepas penggal dua, berjalan dari satu penggal ke penggal ketiga dan sebagainya, ia sudah menjadi perkara biasa.

Yang Berhormat Pengerusi. tidaklah menjejaskan pembelajaran di sekolah Arab oleh kerana masa ini. Kerana ia dicantumkan, misalannya belajar loghah. Belajar loghah masa dahulu ada loghah bahasa Arab ini ada nahunya, ada sarafnya, ada muhasahnya jadi dibagi-bagi kepada *period* masing-masing. Sekarang ini dicantumkan sesuai dengan cara pembelajaran di bawah bahasa Arab loghah Arabia. Itulah sebagai contohnya.

Jadi kaola rasa jawapan kaola setakat itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat:-

1. Kaola ingin menyentuh mengenai Kod 003/001 - Majlis Ugama Islam. Seperti yang dimaklumi bahawa bantuan bayaran bulanan sewa rumah, Majlis Ugama Islam yang diperuntukan di bawah \$500.00 terutama kepada ibu-ibu tunggal khususnya yang tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan tetapi mempunyai tanggungjawab

tanggungjawab anak-anak dan kitani percaya bahawa mereka ini tidak dapat membina rumah secara sendiri.

Di sini, kaola mencadangkan supaya pihak-pihak berkenaan iaitu Majlis Ugama Islam dapat mengadakan perundingan supaya mereka ini dapat mengikuti Skim Kemajuan Perumahan Negara dan dipotong melalui bantuan bulanan mereka. Dengan adanya mereka ini memiliki rumah sendiri, kehidupan mereka lebih baik dan selesa dan tidak menjadi bebanan mereka. Kalau mereka itu tinggal di rumah sewa kadang-kadang lambat menerima bayaran, mereka ini akan dikeluarkan daripada menyewa rumah tersebut;

2. Kaola juga menyentuh mengenai Kod - 005/001 Bahagian Pengajian Pendidikan Islam. Baru-baru ini kaola difahamkan lebih kurang 80 orang pelajar kelulusan Sijil Pelajaran Ugama yang akan belayar ke Mesir pada pertengahan bulan Mac ini atas perbelanjaan sendiri untuk menduduki peperiksaan kelayakan bahasa Arab. Seterusnya jika gagal atau lemah mereka akan mengikuti program pemantapan bahasa Arab yang menjadi prasyarat sebelum mengikuti program pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (BA) di Universiti Al-Azhar yang akan bermula sekitar bulan September ini.

Pemergian pelajar-pelajar ini sudah tentu melibatkan perbelanjaan besar, jika dilihat perbelanjaan yang ditanggung seperti kos tiket penerbangan, penginapan, pengangkutan dan lain-lain lagi.

Dalam hal ini, bagi pelajar yang cemerlang dan memenuhi syarat permohonan tetapi tidak mampu pergi tentu sekali akan terlepas peluang untuk melanjutkan pelajaran ke Mesir kerana kemasukan pengajian ke Universiti Al-Azhar tertakluk kepada kelulusan kelayakan bahasa Arab.

Soalan kaola: Apakah ada jalan lain atau sebarang langkah yang dapat membantu pelajar-pelajar ini dengan kos yang lebih efektif sebagai contoh mendatangkan pemeriksa atau tenaga pengajar dari Universiti Al-Azhar ke Negara Brunei Darussalam untuk menjalankan peperiksaan atau melaksanakan kelas bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam; dan

3. Berbalik kepada Kod - 003/001. Cadangan kaola, jika sekiranya tidak menyalahi dari hukum syarak. Dicadangkan supaya sebahagian daripada Asnaf Zakat khususnya fisabilillah dapat disalurkan sebahagian pembahagiannya kepada penuntut-penuntut yang tidak berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara bagi yang mempunyai keputusan yang lebih cemerlang atau sebagai penerima Dermasiswa Khas walaupun kadar

yang sama dengan skim bantuan rumah kepada fakir miskin lebih kurang \$500.00 khusus bagi mereka yang akan menuntut di Universiti Al-Azhar atau universiti yang berhampiran yang berhampiran dengan Negara Brunei Darussalam seperti Malaysia.

Dengan sumbangan seperti ini, ia tidak akan merugikan kerajaan bahkan ia akan membawa pulangan besar dan berfaedah kepada kerajaan, negara dan penuntut itu sendiri. Sekian, itu sahaja yang dapat disampaikan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:-

1. Mengenai perkara bantuan sewa rumah bukan sahaja kepada ibu tunggal malah juga kepada orang-orang dalam Asnaf Fakir Miskin yang layak yang memerlukan rumah dan disewakan rumah di bawah \$500.00 membawa kepada \$300.00 dan sebagainya.

Kaola sukacita menyebutkan di sini bahawa usaha-usaha untuk menyerapkan mereka ini ke dalam Rancangan Perumahan Negara sedang dalam perundingan. Begitu juga, dalam perumahan-perumahan dalam *quick win* itu. Sepatutnya jawapan kaola kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit pun juga sedemikian iaitu ada usaha ketika ini bahawa

Kementerian Hal Ehwal Ugama berunding dengan Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan untuk menyerahkan Asnaf yang mendapat bantuan perumahan sama ada untuk membenakan rumah seperti dalam *quick win* ataupun orang-orang yang menyewa rumah tersebut.

Jika mereka layak dari segi persyaratan Rancangan Perumahan Negara untuk disarapkan kepada RPN dan mudah-mudahan rancangan ini berjaya dengan sebaik-baiknya, kerana ia tidak membebankan kepada pihak kerajaan. Bayaran akan dibayar oleh pihak Majlis Ugama Islam melalui peruntukan yang sedia ada untuk membina perumahan golongan daif tadi; dan

2. Mengenai penuntut yang lulus dalam peperiksaan STPUB untuk melanjutkan pelajaran ke Mesir dan dipersyaratkan untuk memasuki kursus bahasa Arab selama 3 bulan dan mereka itu terpaksa ke sana dengan perbelanjaan sendiri yang sudah tentunya membebankan mereka dan ibu bapa mereka. Apakah ada usaha-usaha untuk membantu mereka ini?

Kalaulah kebetulan mereka itu memohon biasiswa dan sudah dalam pertimbangan dan sebagainya belum lagi ada keputusan tertentu. Mungkin perkara itu akan dapat diselaraskan dengan biasiswa apabila mereka diputuskan sebagai

penerima biasiswa dan untuk belajar seterusnya. Insya-Allah perkara ini dapat dipertimbangkan untuk penyelarasan.

Sebagaimana yang telah berlaku yang kaola faham, bahawa ibu bapa yang menggunakan kemudahan pinjaman juga menggunakan kemudahan itu untuk menghantar anak-anak mereka belajar bukan untuk setakat kursus bahasa Arab ini untuk belajar seterusnya dan apabila mereka diputuskan untuk menerima biasiswa akan disarapkan ke dalam biasiswa itu.

Tapi ada satu perkara yang baru ditimbulkan tadi, iaitu apa kiranya salah satu dari Asnaf yang 8 iaitu fisabilillah digunakan. Sebenarnya, fisabilillah sama juga Arriqaf tidak dipakai di Brunei. Kitani cuma memakai 6 sahaja tidak sampai fisabilillah 8.

Tentulah ada usaha-usaha lain lagi yang dapat menimbangkan bagi meringankan bebanan kepada ibu bapa dan penuntut ini dengan cara mendatangkan pemeriksa atau pengajar sedemikian itu datang ke Brunei. Perkara itu tidak dapat dijamjin kerana ini persyaratan pihak universiti mengkehendaki sedemikian.

Suasana pembelajaran di sana dan di sini sudah tentu berlainan dan menurut penilaian kementerian itulah satu cara yang baik untuk mereka dapat pendedahan

penggunaan bahasa Arab secara komunikasi yang baik selama 3 bulan:

- i. Sebelum memasuki tempoh-tempoh seterusnya pengajian dikira bukan sahaja membantu mereka akan tetapi dalam pengajian nanti bahkan membantu mereka dalam berbahasa Arab dalam suasana kerana Bahasa Arab ini bahasa 'fusha' namanya bahasa kitab, bahasa tulis dan bahasa am. Bahasa am ini yang sebenarnya sangat perlu jua dikuasai bersama-sama dengan bahasa 'fusha' bahasa yang *standard*. Bahasa am ini bahasa pergaulan hari-hari, naik bas turun bas, ke kedai dan sebagainya.

Pada zaman abis kaola terus-terus dengan bahasa 'fusha'. Bercakap dengan pembantu rumah minta belikan ayam, jadi jangan katakan ayam katakan 'dikun' jadi selepas dimasak kawan-kawan balik mengapa ayam ini keras, ayam angkat berat, tanyakan ayamlah kamu minta "dik dik dik" ayam tapi bukan 'firah' sama seperti antara ayam dengan *chicken* jadi itulah namanya, sampai namanya *cultural shock* lah kepada abis kaola pada masa itu.

Jadi hal-hal ini barangkali tidaklah kitani meminta pihak Universiti Al-Azhar mengirim, menghosnya semata-mata bagi tujuan ini *dialert* dengan keperluan Brunei. Keperluan Brunei dalam bahasa

Arab supaya anak-anak yang memasuki pengajian di Universiti Al-Azhar benar-benar dapat menguasai bahasa Arab dalam suasana yang sedemikian itu. Itu yang dapat kaola nyatakan sebagai respons kepada 2 soalan yang dibangkitkan tadi, 3 sebenarnya iaitu mengenai perumahan, kemudian mengenai STPUB, mengenai kursus bahasa Arab.

Manakala fisabilillah itu tidaklah dipakai di Brunei dan kerana itu akan menggunakan Asnaf ini untuk membantu mereka tidak dapat cuma barangkali ada ikhtiar-ikhtiar lain kalaulah misalannya mereka itu termasuk dalam golongan Asnaf Fakir Miskin jadi ada namanya Bantuan Pelajaran Khas boleh diberikan. Sebagaimana Bantuan Pelajaran kepada mahasiswa-mahasiswa di pengajian tinggi dalam negeri ini yang tertahan sijilnya walaupun mereka lulus tetapi tidak dapat diberikan ijazah segulung kertas itu kerana mereka tertunggak bayaran universiti dan hal itu dapat diselesaikan dengan memberikan bantuan pelajaran sedemikian dengan menebus ataupun dengan membayar tunggakan kepada pihak Universiti berkenaan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dicapangkan peperiksaan SSRU itu

dapat disamakan dengan sistem 'O' level dan 'A' level misalannya SSRU kalau *fail* satu subjek ia menyebabkan *fail* semuanya. Kaola rasa ada baiknya tidak perlu *retain* setahun lagi tapi duduk periksa untuk subjek yang *fail* itu sahaja.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Jadi ini satu yang dapat diteliti, cadangan yang diteliti, kaola tidak berani menjawab kerana pihak-pihak berkenaan sindiket peperiksaan yang dapat memberikan nasihat kepada kementerian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ
 اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَارْحَمْ عَلٰى
 اَسْمَاءَ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهَا
 Alhamdulillah rabbilalamin wasalatu
 wasallamu ala asrafil anbiya
 e walmursalin sayidina muhammadin wa
 ala alihi wasahbihi ajmain.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola membawa Tajuk SJ01A. Apakah ada usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengemaskinikan Sijil Nikah yang bersaiz kecil seperti saiz pasport atau kad pengenalan bagi mudah dibawa terutama apabila pasangan suami isteri tersebut berada di luar negeri dan tinggal di tempat awam seperti di hotel-

hotel dan terlibat dalam operasi pencegahan maksiat?

Sijil Nikah seperti yang disebutkan tadi dapat ditunjukkan apabila pihak penguatkuasaan membuat pemeriksaan dan merasa ragu serta memohon bukti untuk ditunjukkan. Begitu juga dengan Sijil Cerai supaya dapat dibuat dalam bentuk yang sama, jika sudah ada bila ia mula digunakan.

Seterusnya di bawah Tajuk SJ10A, Kod 004-001 - Bahagian Permakanan dan Barangan Halal. Isu makanan subhah di premis perniagaan. Kita ucapkan tahniah atas usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama menyelaras Lesen dan Logo Halal. Kita berkeyakinan bahawa penyakit jasmani dan rohani serta akhlak dalam masyarakat disebabkan makan makanan yang haram atau subhah.

Kaola bertanya: Apakah dengan makanan yang dijual kepada orang awam yang menggunakan logo palsu di kedai. Adakah tindakan sudah diambil? Dicapangkan juga supaya makanan yang subhah yang tiada Logo Halal atau tiruan diasingkan dengan ditanda makanan subhah dalam semua premis perniagaan. Tujuannya membantu dan menyelamatkan masyarakat dari terjebak kepada haram sebagaimana dalam hadis bermaksud: "Barangsiapa terjebak ke dalam subhah maka ia terjebak اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَارْحَمْ عَلٰى اَسْمَاءَ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهَا dalam haram." Sekian disampaikan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Berhubung dengan Sijil Nikah Yang Berhormat Pengerusi bukan di bawah bidang kementerian, ia di bawah bidang Jabatan Kehakiman dan Syariah. Untuk makluman orang ramai memang sudah ada perkara ini dibuat, mengeluarkan sijil yang bersaiz kecil seperti lesen memandu dan kad pengenalan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tinggal lagi barangkali Yang Berhormat ini suka membawa kadnya yang sudah sedia ada ter*print* yang boleh dibawanya ke luar negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Kaola difahamkan usaha itu memang untuk menyelaraskan keperluan-keperluan yang pada masa ini pasangan-pasangan suami isteri melancong seperti ke Malaysia dan sebagainya jika ada kuat kuasa pencegahan maksiat dilakukan supaya senang, ataupun setengah-setengah hotel bertanya tentang pasangan ini memang pasangan suami isteri atau tidak. Jadi dengan menunjukkan kad tersebut ia selamat tapi pelaksanaannya yang kaola difahamkan dengan mengadakan pasangan-pasangan yang bernikah dalam tahun 2017, termasuklah kaola.

Yang Berhormat Pengerusi:

Nampaknya barangkali Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput tidak boleh meminta Surat Nikahnya secara kebelakangan untuk dijadikan sebagai kad. Walau macam manapun Yang Berhormat, kaola mengucapkan terima

kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat dan sekarang saya persilakan Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Alhamdulillah
rabbi lalamin wasalatu wasallamu ala asrafil anbiya e walmursalin sayidina muhammadin wa ala alihi wasahbihi ajmain. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat,
 اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ dan selamat sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi suka ingin jua bercakap di bawah Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kaola lebih dahulu ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan tahniah dan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah yang menuju hala tuju Kementerian Hal Ehwal Ugama yang amat komprehensif.

Seterusnya kaola bersama-sama masyarakat Mukim Liang merakamkan rasa syukur atas pelulusan bagi pembinaan sebuah masjid di RPN Lumut, Mukim Liang dalam Rancangan Kemajuan Ke-11 melalui kementerian Yang Berhormat jua. Yang Berhormat Pengerusi dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama antaranya menyediakan Peruntukan Perbekalan 2018/2019 bagi penyebaran dakwah dan hari kebesaran Islam sejumlah lebih \$24 juta.

Kaola sedia maklum, bahawa dalam penyebaran agama Islam dan Dakwah melalui Pusat Da'wah Islamiah telah menjelajah dan melawat ceruk rantau Negara Brunei Darussalam atas tugas dan tanggungjawab kerana Allah jua.

Dalam hal pendakwaan ini terdapat kumpulan pendakwah-pendakwah masih terdapat pada masa ini menjalankan kegiatan-kegiatan berdakwah berkumpul di masjid-masjid umpamanya selepas solat fardu dan terdapat juga berkunjung ke rumah tertentu sebagai kunjungan dakwah.

Selain itu, kumpulan ini juga mempunyai rakan sehaluan dari luar negeri akan berkunjung dan melawat mempunyai tujuan yang sama berkumpul di dalam masjid selepas solat fardu sebagai saudara seagama. Kumpulan ini kumpulan yang kecil biasanya akan memohon tinggal di masjid kepada pihak masjid dalam semalam dua. Mungkin sahaja barangkali sambil qiamulail. Kaola memohon pandangan dari pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam perkara ini? Yang Berhormat Pengerusi, sekian sahaja

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin. Kumpulan yang dimaksudkan itu ialah kumpulan yang sekarang ini yang bergiat untuk pendakwaan dan kumpulan tersebut tidak termasuk dalam erti kata kumpulan yang *illegal* ataupun dari

segi agama kumpulan yang mengajarkan ajaran sesat ataupun bagaimana. Kumpulan yang mendakwahkan agama berdasarkan asas-asas tertentu "Balyahu Anni Walau'aiyah" misalannya hadis Nabi "sampaikanlah daripadaku ajaran-ajaran dan daripadaku sekalipun satu potong ayat". Asas ini mereka pakai untuk menjadikan satu jemaah yang dinamakan jemaah Tabliq.

Mereka adalah orang yang berkhidmat untuk mentabliqkan, menyampaikan dakwah dan ajaran-ajaran cuma mengikut cara mereka.

Mengikut cara mereka itulah yang menimbulkan ketidaksenangan kepada orang perseorangan misalannya mereka datang hampir waktu Maghrib ke rumah orang dan menyampaikan semacam ajaran wasiah dan sebagainya tetapi apabila diminta untuk bersembahyang misalannya di rumah itu berjemaah mereka mengajak orang ke masjid kerana dalam prinsip mereka berjemaah di masjid itulah yang utama. Hanya hal-hal lain seperti ini sama juga masjid digunakan pada 20 tahun yang lalu misalannya masjid digunakan tempat mereka tidur, membasuh baju, memasak dan sebagainya dan hal itu telah diaturkan tidak ada kebenaran demikian tetapi untuk beribadat seperti misalannya mengadakan qiamulail mereka boleh menggunakan koridor, tetapi bukan untuk tidur, bukan untuk memasak dan sebagainya. Kita jangan salah sangka atau beranggapan yang serong terhadap jemaah ini.

Jemaah ini mempunyai khidmat yang cukup baik untuk menyampaikan ajaran agama, tinggal lagi dari masa ke masa ada konsultasi antara jemaah ini dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu terutama sekali PJI kalau ada aduan-aduan daripada orang ramai akan disampaikan kepada mereka supaya mereka akan dapat menimbang atau pergerakan mereka itu dengan keadaan setempat dan sebagainya. Itu yang dapat kaola jelaskan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar penjelasan yang terperinci daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai soalan-soalan dan perkara-perkara yang telah ditimbulkan yang meminati Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpandangan cukuplah sudah perbincangan kita mengenai dengan Tajuk ini maka ada baiknya Tajuk ini sekarang kita undi sama ada kita luluskan ataupun sebaliknya.

Ahli-Ahli Yang Behormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya Ahli Yang Berhormat bersetuju. Oleh yang demikian Belanjawan Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama diajdiikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat masa telah berlalu begitu cepat maka saya mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita balik bermesyuarat dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, insya-Allah kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 17 Mac 2018 mulai pukul 9.00 pagi sebagaimana biasa, sekian.

وبالله التوفيق والهداية السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)